

12/02/2003

Langkawi jadi makmal pelancongan UUM

Wan Jailani Razak

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) menubuhkan Institut Penyelidikan Pelancongan dan Hospitaliti di Langkawi selaras usaha kerajaan memajukan industri pelancongan di pulau itu.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Muhammad Basri, berkata Langkawi akan menjadi makmal pelancongan bagi UUM apabila semua latihan universiti itu diadakan di pulau berkenaan.

Selain itu, katanya, kerja-kerja perundingan dan penyelidikan berkaitan pelancongan, kursus meningkatkan mutu akademik, kepimpinan dan pengurusan projek juga akan diadakan di institut berkenaan.

"Dengan adanya kemudahan asrama yang boleh menampung 100 orang, pelbagai kursus untuk pegawai serta kakitangan UUM dan orang ramai dapat diadakan di sini.

"Sehubungan itu, arahan telah dikeluarkan kepada semua ketua jabatan UUM supaya mengadakan kursus di sini," katanya selepas meninjau institut yang terletak berdekatan Litar Lumba Go Kart di Pantai Chenang, Langkawi, baru-baru ini.

Sebelum ini, UUM banyak mengadakan kursus di luar kampusnya seperti di Sungai Petani, Langkawi dan Haadyai di Selatan Thailand.

Universiti itu juga telah membeli tanah dan bangunan yang kini telah siap diubah suai dengan harga RM23 juta di kawasan seluas kira-kira 10 hektar yang sebelumnya menjadi Sekolah Latihan Penerbangan Kumpulan Mofaz.

Ia akan dikendalikan oleh sebuah syarikat induk UUM, Unitama Sdn Bhd.

Dr Ahmad Fawzi berkata, pembelian kawasan itu selaras usaha universiti itu membuka kampus cawangan, iaitu Sekolah Pengurusan Pelancongan di Langkawi, tidak lama lagi.

Bagi merealisasikan hasrat itu, katanya, UUM sedang berusaha mendapatkan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengambil alih pusat peranginan The Gates seluas lebih 50 hektar, di Kuah.